A

PP

lwn.

KUNG YANG SONG

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
GHAZALI CHA H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: 45-32-2007]
17 JUN 2010

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 - Seksyen 39B(1)(a), (2) - Pengedaran - Heroin dan monoacetylmorphines seberat 263.5 gram - Tertuduh menelan 70 ketulan dadah yang dirampas selepas tertuduh membuang air besar - Sama ada elemen pemilikan dan pengetahuan dibuktikan - Pembelaan tertuduh diperdayakan oleh*

D *kawannya tidak disiasat pegawai penyiasat meskipun maklumat diberikan - Sama ada siasatan pendakwaan tidak sempurna - Sama ada tertuduh berjaya menimbulkan keraguan munasabah atas kes pendakwaan*

Tertuduh dituduh mengedar dadah berbahaya jenis heroin dan

E monoacetylmorphines seberat 263.5 gram di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta') yang boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Tertuduh ditahan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur setelah dia cuba menyeludup dadah tersebut ke Taiwan. Dia didapati menelan 70 ketulan dadah tersebut

F untuk mengelakkan pemeriksaan pihak kastam yang dapat merampas ketulan-ketulan itu selepas pembuangan air besar tertuduh. Tertuduh dalam pembelaannya mengatakan bahawa dia telah diperdayakan oleh seorang lelaki yang bernama Ah Thong yang dikatakan memberitahunya bahawa bahan-bahan yang dia telan itu adalah

G ubat-ubat Cina yang sangat mahal di Taiwan dan maka untuk diseludup ke negara itu, dia perlu menelannya untuk mengelakkan daripada pemeriksaan kastam. Antara isu-isu yang ditimbulkan ialah: (1) sama ada kes *prima facie* telah dibuktikan terhadap tertuduh; (2) sama ada ahli kimia gagal mengambil jumlah minima 10% yang

H ditetapkan di bawah s. 37(j) Akta untuk analisia dadah; dan (3) sama ada pihak pendakwaan gagal menyiasat dakwaan perayu mengenai kewujudan Ah Thong dikatakan telah memperdayakannya.

Diputuskan (membebaskan dan melepaskan tertuduh):

I **(1)** Berdasarkan keputusan kes-kes berkenaan, pemilikan disimpulkan mempunyai dua elemen iaitu pemilikan secara fizikal dan pengetahuan tertuduh. Tanpa pengetahuan tiada

wujud pemilikan di bawah undang-undang. Bagaimanapun, pengetahuan hanya boleh dibuktikan melalui "surrounding circumstances". (perenggan 8 & 9)

(2) Fakta kes semasa menunjukkan bahawa barang-barang kes telah ditemui apabila tertuduh membuang air besar dengan mengeluarkan ketulan-ketulan dadah tersebut melalui dubur beliau. Seterusnya, mengikut keterangan saksi-saksi pendakwaan, tertuduh kelihatan runsing dan susah hati semasa di hospital untuk mengeluarkan bahan-bahan yang dikesan di dalam perutnya dan itu menunjukkan beliau mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah yang ditelannya. Maka elemen pemilikan telah dibuktikan. (perenggan 10, 12 & 13)

(3) Isu penyiasatan yang tidak lengkap oleh pihak pendakwaan kerana gagal menyiasat hotel penginapan tertuduh dan syarikat pelancungan yang menyediakan tiket kepada tertuduh bukanlah suatu isu lagi memandangkan siasatan itu tidak perlu kerana barang kes ditemui di dalam perut tertuduh sendiri. Siasatan sedemikian hanya akan membuang masa pihak berkuasa berkenaan oleh kerana tiada apa-apa 'nexus' kepada barang-barang kes yang mungkin akan diperolehi. (perenggan 14 & 15)

(4) Walaupun sampel perwakilan tidak sampai 10%, sampel itu mewakili keseluruhan serbuk yang telah dihomogenkan. Maka tindakan ahli kimia yang tidak mematuhi kehendak 10% yang ditetapkan di dalam s. 37(j) Akta adalah "justifiable". Lagipun, seandainya 10% sampel perwakilan diambil daripada setiap ketulan, hasil analisanya adalah sama. Apa yang penting ialah hasil ujian bukannya quantiti dadah. Di dalam keadaan keseluruhan serbuk telah dicampur dan dihomogenkan, maka s. 37(j) tidak terpakai dan boleh dikecualikan penggunaannya. (perenggan 19 & 20)

(5) Memandangkan elemen-elemen penting telah pun dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh, maka anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta terpakai terhadap tertuduh. Pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh. (perenggan 23 & 24)

(6) Kepercayaan cerita tertuduh bergantung kepada fakta-fakta lanjutannya iaitu: (a) tertuduh tidak menunjukkan apa-apa tindakan melarikan diri atau mengelak daripada pemeriksaan oleh pihak kastam; (b)tertuduh telah memberikan kerjasama

kepada pihak kastam dengan tidak membantah untuk diambil X-ray ketika di hospital; dan (c) tertuduh tidak menolak untuk menelan ubat-ubat yang diberikan oleh pegawai perubatan di hospital yang bertujuan untuk mengeluarkan ketulan-ketulan tersebut dari dalam perutnya dengan cepat, hasilnya dalam masa dua hari sebanyak 70 ketulan telah berjaya dikeluarkan dari dalam perutnya. (perenggan 53, 54 & 55)

(7) Walaupun tertuduh telah menjelaskan di mana Ah Thong tinggal dan memberitahu pegawai penyiasat bahawa dia dan Ah Thong telah menginap di Hotel Wenworth di kawasan Puduraya, tiada penyiasatan telah dibuat mengenai perkara-perkara tersebut. Malah, tertuduh juga telah berikan nombor telefon Ah Thong tersebut. Penyiasatan penginapan di Hotel Wenworth adalah penting bagi menolak apa-apa inferen yang boleh dibuat oleh mahkamah mengenai kehadiran Ah Thong, memandangkan nama "Ah Thong" telah disebutkan berkali-kali di dalam kes pembelaan dan tiada apa-apa bantahan oleh pihak pendakwaan dan juga tiada apa-apa cabaran ditanya kepada tertuduh mengenai watak "Ah Thong" itu. Maka jelas bahawa watak "Ah Thong" tersebut memangnya diakui wujud di dalam kes pihak pendakwaan. (perenggan 56 & 57)

(8) Versi tertuduh bukanlah semata-mata penafian kosong sahaja. Pada masa berkenaan dia tiada pekerjaan dan sangat memerlukan wang. Dia berpendidikan rendah dan mudah diperdayakan oleh kawan sekampungnya Ah Thong itu. Oleh itu, demeanour tertuduh harus diberikan perhatian memandangkan beliau telah memberikan keterangan bersumpah. Walaupun penjelasan tertuduh tidak dipercayai sepenuhnya tetapi keterangan tertuduh di atas sumpah telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesalahannya, dan bersandarkan kes *Mat v. PP*, tertuduh dibebaskan dan dilepaskan daripada pertuduhan. (perenggan 58, 59 & 60)

Kes-kes yang dirujuk:

Adekunle Johnson Oshodi v. PP & Other Appeals [1998] 1 CLJ 515 CA ***(refd)***

Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(refd)***

Chan King Yu v. PP [2006] 3 CLJ 853 CA ***(refd)***

Chan Pean Leon v. PP [1956] 1 LNS 17 HC ***(refd)***

Choo Yoke Choy v. PP [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 SC ***(refd)***

Emmanuel Yaw Teiku v. PP [2006] 3 CLJ 597 FC ***(refd)***

K Gopala Reddu v. State of Andhra Pradesh [1979] SCO (CR) 310 ***(refd)***
Leow Nghee Lim v. Regina [1955] 1 LNS 53 HC ***(refd)***
Liew Chee Hong v. PP [2007] 6 CLJ 702 CA ***(refd)***
Liew Kaling & Ors v. PP [1960] 1 LNS 60 HC ***(refd)***
Loo Kia Meng v. PP [2000] 3 CLJ 653 CA ***(refd)***
Looi Kow Chai & Anor v. PP [2003] 1 CLJ 734 CA ***(refd)***
Mat v. PP [1963] 1 LNS 82 HC ***(refd)***
Mohd Radhi Yaakob v. PP [1991] 3 CLJ 2073; [1991] 1 CLJ (Rep) 311 SC ***(refd)***
Nagappan Kuppusamy v. PP [1988] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 SC ***(refd)***
Osman Khan v. PP [1947] 1 LNS 75 HC ***(refd)***
PP v. Badrulsham Baharom [1987] 1 LNS 72 HC ***(refd)***
PP v. Hong Ho Aik [2008] 10 CLJ 393 HC ***(refd)***
PP v. Ling Tee Huah [1980] 1 LNS 212 HC ***(refd)***
PP v. Low Say Seck & Ors [1971] 1 MLJ 199 ***(refd)***
PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor [2002] 8 CLJ 814 HC ***(refd)***
PP lwn. Mohd Noor Yusof [2008] 7 CLJ 504 HC ***(refd)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(refd)***
PP v. Muhamad Nasir Shaharuddin & Anor [1992] 4 CLJ 2028; [1992] 3 CLJ (Rep) 408 HC ***(refd)***
PP v. Saimin & Ors [1971] 1 LNS 115 HC ***(refd)***
PP v. Seow Wei Hoong [2008] 4 CLJ 453 CA ***(refd)***
PP v. Teh Eng Wah [1999] 8 CLJ 451 HC ***(refd)***
PP v. Wong Moy [1988] 2 CLJ 521; [1988] 2 CLJ (Rep) 352 HC ***(refd)***
PP v. Wong Peng Wah & Ors [1948] 1 LNS 50 HC ***(refd)***
PP v. Yap Fook Choy [2004] 1 LNS 201 HC ***(refd)***
Saad Ibrahim v. PP [1967] 1 LNS 154 HC ***(refd)***
Shanmugam v. PP [1962] 1 LNS 186 HC ***(refd)***
Toh Ah Loh & Mak Thim v. Rex [1948] 1 LNS 72 HC ***(refd)***
Wong Chooi v. PP [1967] 1 LNS 207 HC ***(refd)***
Yap Fook Yew & Anor v. PP [1949] MLJ Supp 3 ***(refd)***
Yau Heng Fang v. PP [1985] 2 CLJ 22; [1985] CLJ (Rep) 350 SC ***(refd)***

Perundangan yang dirujuk:

Criminal Procedure Code, ss. 153, 180(1), (4), 182A(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da), (j), 39B(1)(a), (2)

Bagi pihak tertuduh - Datuk Baljit Singh Sidhu; T/n Shukor Baljit & Partners
Bagi pihak pendakwaan - Nurul Ezwaney Husin TPR

Dilaporkan oleh Usha Thiagarajah

A

PENGHAKIMAN

Ghazali Cha H:

[1] Tertuduh telah dituduh dengan satu pertuduhan di bawah s. 39B(l)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama, di mana beliau dikatakan telah mengedar dadah berbahaya secara menelan 70 ketulan yang mengandungi dadah jenis heroin dan monoacetylmorphines seberat 263.5 gram (222.9 gram heroin dan 40.6 gram MAM) pada 8 Mei 2007, jam lebih kurang 5pm di Hospital Putrajaya, Wilayah Persekutuan.

B

C

Fakta-Fakta Kes

[2] Bertindak di atas maklumat yang diterima oleh SP11, Amaludin bin Gimin, SP7 Cheong Tuck Meng, telah mengetuai sepasukan pegawai kastam telah berlepas ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) untuk menahan tertuduh yang dikatakan cuba menyeludup dadah berbahaya ke Taiwan.

D

[2a] Di pintu A lapangan terbang tersebut SP7 dan pasukannya telah menahan tertuduh dan telah melakukan pemeriksaan ke atas tubuh badan dan beg yang dibawa oleh beliau.

E

[2b] Hasil dari pemeriksaan tiada apa-apa dadah atau barang-barang salah ditemui daripada tertuduh atau pun di dalam beg beliau.

F

[2c] Tertuduh kemudiannya telah dibawa ke Hospital Putrajaya untuk pemeriksaan X-Ray dan mengesan dadah yang dipercayai berada di dalam perut beliau.

G

[2d] Hasil pembuangan air besar oleh tertuduh, pihak kastam telah berjaya merampas sebanyak 70 ketulan yang dibalut dengan plastik lutsinar dan lapisan getah dan diikat dengan tali.

H

[2e] Barang-barang kes telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisa oleh SP6 dan hasil dari pemeriksaan dan analisa yang dibuat oleh SP6 beliau telah mendapati kandungan 70 paket-paket kecil tersebut mengandungi 222.9 gram heroin dan 40.6 gram monoacetylmorphines.

I

[2f] Mengenai rantaian pergerakan barang-barang kes saya berpuas hati bahawa tiada berlaku pemutusan kepadanya, ini berdasarkan keterangan-keterangan saksi pendakwaan bahawa setiap barang-barang kes ditanda dan disilkan untuk mengelakkan berlakunya "tampering to the exhibits".

Beban Pembuktian

[3] Beban pembuktian di dalam kes ini adalah sepertimana yang diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 dan kes *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457.

[3a] Oleh itu di akhir kes pendakwaan mahkamah hendaklah menilai keterangan-keterangan yang dibawa oleh saksi-saksi pendakwaan pada tahap penilaian maksima bagi menentukan sama ada pihak pendakwaan telah berjaya menimbulkan satu kes *prima facie* terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dihadapinya. (Rujuk s. 180(1) CPC).

[3b] *Prima facie* pula telah dijelaskan melalui s. 180(4) Criminal Procedure Code (CPC), dan melalui kes *Looi Kow Chai & Anor v. PP* [2003] 1 CLJ 734 YA Gopal Sri Ram JCA (pada masa itu) mengatakan seperti berikut:

> It therefore follows that there is only one exercise that a judge sitting alone under s. 180 of the Code has to undertake at the close of the prosecution's case. He must, subject the prosecution evidence to maximum evaluation and ask himself the question: If I decide to call upon the accused to enter his defence and he elects to remain silent, am I prepared to convict him on the totality of the evidence contained in the prosecution case?

[4] Maka adalah menjadi tugas dan tanggungjawab kepada pihak pendakwaan untuk membuktikan setiap ingredien pertuduhan iaitu, tertuduh pada masa ditahan adalah mempunyai milikan dan kawalan ke atas dadah jenis heroin sebarat 222.9 gram dan monoacetylmorphines seberat 40.6 gram dan beliau mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut dan tertuduh berhasrat untuk mengedar dadah tersebut dengan secara "direct evidence" atau pun "presumption" di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[5] Timbalan Pendakwa Raya yang bijaksana telah berhujah bahawa adalah cukup keterangan daripada saksi-saksi pendakwaan khususnya SP1, SP3, SP4, SP5, SP7 dan SP9 bagi membuktikan elemen pemilikan dan pengetahuan oleh tertuduh bilamana 70 ketulan dadah tersebut telah dibuktikan dikeluarkan daripada tempat pembuangan najis tertuduh dan ini tidak dipertikaikan oleh pihak pembelaan.

[6] Perbuatan tertuduh lagi menurut pihak pendakwaan adalah merupakan perbuatan mengedar dadah iaitu 222.9 gram heroin dan 40.6 gram monoacetylmorphines secara 'carrying' di bawah s. 2 bila mana dadah-dadah tersebut berada di dalam perut tertuduh pada masa beliau ditahan.

[7] Peguambela yang bijaksana pula telah berhujah bahawa pihak pendakwaan telah gagal untuk mengemukakan satu keterangan bagi membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh. Ini berasaskan kepada beberapa faktor iaitu:

(a) Pendakwaan gagal membuktikan elemen pengetahuan ke atas tertuduh memandangkan tertuduh percaya bahawa ketulan-ketulan yang beliau telan itu adalah merupakan ubat-ubatan Cina yang terlarang, tertuduh juga menurut peguambela adalah seorang yang berpendidikan rendah maka beliau tidak mengetahui ketulan-ketulan itu adalah merupakan dadah berbahaya.

(b) Siasatan pendakwaan yang tidak lengkap dan sempurna memandangkan tiada keterangan mengenai adanya intipan, tiada siasatan dilakukan di hotel tempat tinggal tertuduh, mana-mana iindividu lain yang terlibat dan tiada rakaman CCTV dikemukakan, maka siasatan menyeluruh telah gagal dilakukan oleh beliau, rujuk kepada kes *PP v. Wong Moy* [1988] 2 CLJ 521; [1988] 2 CLJ (Rep) 352.

(c) Ketiga ialah analisa yang dilakukan oleh Ahli Kimia (SP6) tidak memenuhi syarat yang dikenakan terhadap ujian kimia dadah menurut s. 37(j) Akta Dadah Berbahaya, iaitu SP6 telah gagal mengambil jumlah minima yang ditetapkan iaitu 10% daripada 'receptacle' dadah yang ditemui, beliau rujuk kepada keputusan dalam kes *Loo Kia Meng v. PP* [2000] 3 CLJ 653.

Penemuan Mahkamah

[8] Mengenai elemen "possession" ditafsirkan di dalam kes *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 1 LNS 17; "to establish possession for the purpose of criminal law, two separate questions are involved, the 1st is whether the accused party was in possession of the article in question and the second by the reason of the application of the maxim *actus non fit reum nisisit rea*, is whether he had knowledge of the thing possessed". Rujuk juga kes *Leow Nghee Lim v. Regina* [1955] 1 LNS 53; kes *Choo Yoke Choy v. PP* [1992] 4 CLJ 1791; [1992] 1 CLJ (Rep) 43 dan kes *PP v. Hong Ho Aik* [2008] 10 CLJ 393.

[9] Daripada petikan keputusan kes-kes di atas jelas bahawa pemilikan disimpulkan dengan dua elemen iaitu pemilikan secara fizikal dan pengetahuan beliau; tanpa pengetahuan maka tiada wujud pemilikan di bawah undang-undang bagaimanapun "knowledge" hanya boleh dibuktikan melalui "surrounding circumstances".

[10] Dengan merujuk kepada fakta-fakta kes ini jelas sekali bahawa barang-barang kes telah ditemui apabila tertuduh membuang air besar dengan mengeluarkan ketulan-ketulan itu melalui dubur beliau. Maka tiada dapat dinafikan bahawa elemen pemilikan itu telah dibuktikan oleh pihak pendakwaan.

[11] Bagaimanapun sama ada tertuduh mempunyai pengetahuan mengenai dadah tersebut yang dibungkus dan ditelan oleh beliau?

Peguambela yang bijaksana telah berhujah bahawa oleh kerana tertuduh berpendidikan rendah maka tertuduh tidak mengetahui bahan-bahan yang dia telan itu merupakan sejenis dadah berbahaya iaitu heroin dan monoacetylmorphines di mana pada sangkaan beliau bahawa ketulan-ketulan itu adalah merupakan ubat-ubatan Cina yang terlarang, dan beliau akan mendapat habuan jika berjaya membawanya keluar ke negara Taiwan.

[12] Saya berpendapat ini adalah suatu pembelaan "after thought" dan tidak termasuk di dalam Bab IV, General Exceptions di dalam Kanun Keseksaan, malah jika betul sangkaan tertuduh bahawa ia merupakan ubat-ubatan Cina yang terlarang kenapa perlu ia ditelan? Keterangan saksi-saksi pendakwaan mengatakan bahawa keadaan tertuduh semasa ditahan di Hospital Putrajaya kelihatan runsing dan susah hati, maka fakta-fakta ini jelas menunjukkan bahawa beliau mempunyai pengetahuan mengenai dadah-dadah yang ditelannya.

[13] Oleh itu saya berpuas hati bahawa tertuduh sememangnya mengetahui bahawa bahan-bahan itu adalah dadah dan ini melengkapkan elemen pemilikan dadah tersebut sepertimana kehendak undang-undang.

[14] Seterusnya mengenai isu penyiasatan yang tidak lengkap oleh pihak pendakwaan kerana gagal menyiasat di hotel penginapan tertuduh dan syarikat pelancungan/travel agent yang menyediakan tiket kepada tertuduh.

[15] Sekali lagi isu ini bukanlah suatu isu lagi memandangkan bahawa siasatan itu tidak perlu kerana barang kes ditemui di dalam perut tertuduh sendiri, siasatan sedemikian hanyalah akan membuang masa pihak berkuasa berkenaan, oleh kerana pada pendapat saya tiada apa-apa 'nexus' kepada barang-barang kes yang mungkin akan diperolehi.

[16] Seterusnya mengenai isu penganalisaan barang-barang kes oleh SP6, iaitu sama ada sample-sample perwakilan yang beliau ambil mencukupi untuk mewakili keseluruhan dadah yang dirampas daripada tertuduh?

[17] Dari segi kelayakan SP6 tiada apa-apa keraguan mengenainya; begitu juga mengenai prosedur ujian penganalisaan bagi mengenal pasti bahan berbentuk hablur itu adalah dadah berbahaya menurut definasi di dalam s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan merupakan jenis dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama Akta Dadah Berbahaya 1952.

[18] Rujuk kepada s. 37(j) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang berbunyi seperti berikut:

> When any substance suspected of being a dangerous drug has been seized and such substance is contained in a number of receptacles, it shall be sufficient to analyse samples of the contents of a number not less than ten per centum of such receptacles and if such analysis established that such samples are all of the same nature and description, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of all the receptacles were of the same nature and description as the samples so analysed and if such analysis established that such samples consist of or contain a dangerous drug, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of all the receptacles consist of or contain the same proportion of such drug.

[19] Di dalam kes ini SP6 telah memberikan keterangan bahawa setelah menimbang dan mendapatkan berat bersih keseluruhan dadah tersebut beliau telah menghomogenkannya untuk tujuan penganalisaan, maka berat sebenar setiap ketulan masih diketahui; saya berpendapat walaupun sample perwakilan tidak sampai 10% seperti mana keterangan SP6, akan tetapi sample itu adalah mewakili keseluruhan serbuk yang telah dihomogenkan. Maka tindakan SP6 yang tidak mematuhi kehendak 10% yang ditetapkan di dalam s. 37(j) itu adalah "justifiable".

[20] Pada pendapat saya lagi seandainya pun 10% sample perwakilan diambil daripada setiap ketulan hasil analisanya adalah sama. Apa yang penting ialah hasil ujian bukannya 'quantiti' dadah. Di dalam keadaan keseluruhan serbuk telah dicampur dan dihomogenkan maka s. 37(j) adalah tidak terpakai dan boleh dikecualikan penggunaannya.

[21] Saya merujuk kepada prinsip di dalam kes *PP v. Yap Fook Choy* [2004] 1 LNS 201 yang membezakan keputusan kes *Loo Kia Meng v. PP* [2000] 3 CLJ 653.

[22] Melalui keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *PP v. Seow Wei Hoong* [2008] 5 MLJ 173 di mana telah diputuskan.

> (1) Based on the authorities it was clear that there was no legal provision which required that at least 10% of the total weight of the substance suspected to be dangerous drugs be taken for analysis as it was for the chemist to determine the sufficiency of the weight of the sample and, the quantity of the samples to be taken for analysis would depend on the particular circumstances of each case. Further, the process to be used by the chemist was also not laid down in any law or statute. The evidence of the chemist should be accepted as *prima facie* unless it was so inherently incredible that no reasonable person could believe it to be true or evidence in rebuttal was called.
>
> (2) On the facts, it was clear that the chemist had analysed all the white crystalline substance contained in the 11 plastic packets and after subsequent tests of the homogenised samples, confirmed that the samples contained methamphetamine ...
>
> (3) Considering the chemist's evidence in totaling, it could not be held to be inherently incredible ...

[23] Berasaskan kepada alasan-alasan di atas saya berpuas hati bahawa elemen-elemen penting telah pun dibuktikan oleh pihak pendakwaan terhadap tertuduh, maka anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 terpakai terhadap tertuduh.

[24] Akhir sekali saya berpuas hati bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh sepertimana pertuduhan; dan tertuduh dipanggil untuk membela dirinya di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Kes Pembelaan

[25] Tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan bersumpah, dan melalui keterangan bersumpah beliau, beliau mengatakan seperti berikut:

(a) Sebelum ditangkap pada 8 Mei 2007 beliau telah datang ke Kuala Lumpur bersama kawannya bernama Ah Thong dari Bukit Mertajam untuk mencari pekerjaan; di Kuala Lumpur mereka menginap di Hotel Voon Onn.

(b) Sebelah malamnya menurut tertuduh kawan Ah Thong telah datang ke biliknya, tertuduh telah disuruh keluar dari bilik dan balik semula selepas 1/2 jam.

(c) Apabila beliau balik semula ke bilik, Ah Thong telah memberitahunya bahawa terdapat 70 biji barang berbentuk bulat-bulat berada di atas meja, Ah Thong menyuruh tertuduh menelannya untuk dibawa ke Taiwan.

(d) Menurut tertuduh lagi, Ah Thong memberitahunya bahawa ketulan-ketulan itu adalah ubat-ubat Cina. Tertuduh kemudian telah menelan kesemua 70 ketulan itu tanpa mengetahui isi kandungan sebenar ketulan-ketulan tersebut.

(e) Menurut tertuduh lagi, Ah Thong telah berjanji akan membayar upah kepadanya, dan Ah Thong telah memberikan wang RM2,000 kepadanya sebagai pendahuluan. Ah Thong juga telah menyediakan tiket kapal terbang untuk tertuduh pergi ke Taiwan.

(f) Semasa di KLIA, sepasukan pegawai kastam telah menahan tertuduh dan membuat pemeriksaan badan dan beg-beg yang dia bawa tetapi tidak menjumpai apa-apa barangan salah. Bagaimanapun pihak kastam telah membawanya ke Hospital Putrajaya untuk pemeriksaan dalaman.

(g) Menurut tertuduh lagi, beliau terkejut apabila diberitahu bahawa ketulan-ketulan yang dia telan itu adalah dadah berbahaya, dan dia kata dia tidak akan menelan ketulan-ketulan itu jika dia tahu itu adalah dadah.

(h) Tertuduh juga telah memberitahu kastam bahawa 70 ketulan itu adalah daripada Ah Thong dan memberi nombor handphone Ah Thong kepada pihak kastam untuk dihubungi, seterusnya menurut tertuduh lagi beliau telahpun memberikan kerjasama kepada mereka di dalam kes ini.

(i) Tertuduh telah disoal balas oleh Timbalan Pendakwa Raya dan ketika menjawab soalan-soalan tersebut tertuduh telah memberikan jawapan-jawapan berikut:

(a) Beliau tidak pernah mengambil apa-apa ubat Cina jika beliau jatuh sakit.

(b) Beliau tidak pernah pergi ke Taiwan.

(c) Menurut Ah Thong ubat Cina yang ditelan oleh tertuduh itu adalah mahal harganya di Taiwan.

(d) Dia menelan 70 ketulan itu untuk mendapatkan wang, sebab dia tiada pekerjaan dan amat memerlukan wang.

(e) Dia menafikan bahawa dia tahu kandungan 70 ketulan itu adalah dadah jenis heroin dan menoacetylmorphines.

(f) Dia menelan 70 ketulan itu untuk mengelak pemeriksaan kastam.

[26] Ketika menjawab soalan dari mahkamah tertuduh berkata dia tahu rumah Ah Thong di Bukit Mertajam dan Ah Thong tidak pergi ke Taiwan sebab tiada passport.

[27] Berdasarkan kepada keterangan saksi-saksi pendakwaan dan keterangan membela diri daripada tertuduh di atas peguambela terpelajar telah pun berhujah seperti berikut:

(a) Tertuduh tidak mempunyai *mens rea* untuk pengedaran oleh kerana beliau tiada pengetahuan mengenai 70 ketul yang dia telan.

(b) Menurut peguambela, keterangan tertuduh yang mengatakan bahawa beliau tidak akan menelan 70 ketulan seandainya dia tahu bahawa 70 ketulan itu adalah dadah berbahaya, jelas

membuktikan bahawa dia tiada pengetahuan langsung mengenai isi kandungan 70 ketulan yang beliau telan itu.

(c) Dalam keadaan ini menurut peguam lagi inferen yang memihak kepada tertuduh hendaklah diambil terhadapnya (kes *Liew Chee Hong v. PP* [2007] 6 CLJ 702).

(d) Hujah peguambela lagi bahawa isu pengetahuan telah diputuskan melalui kes *PP v. Badrulsham bin Baharom* [1987] 1 LNS 72 dan juga kes *PP v. Muhamad Nasir bin Shaharuddin & Anor* [1992] 4 CLJ 2028; [1992] 3 CLJ (Rep) 408.

(e) Selain itu menurut peguambela lagi melalui kerjasama yang diberikan oleh tertuduh kepada pihak kastam sudah cukup untuk membuktikan demeanour tertuduh, iaitu dia benar-benar tidak mengetahui kandungan 70 ketulan tersebut, kes *Emmanuel Yaw Teiku v. PP* [2006] 3 CLJ 597 – dibezakan.

(f) Isu lain yang ditimbulkan ialah tertuduh hanya berpendidikan rendah dan senang diperdayakan oleh rakannya bernama Ah Thong yang menjanjikan wang ringgit sebagai balasan kepada tindakan beliau itu. Hujah peguam lagi, Ah Thong adalah kawan sekampungnya dan dia akan lebih mempercayai Ah Thong, ditambah pula dengan masalah kesempitan wang.

(g) Peguambela seterusnya berhujah berkenaan dengan isu siasatan oleh pihak kastam yang tidak lengkap, khususnya berkenaan dengan seorang bernama Ah Thong. Menurut keterangan-keterangan tertuduh, tertuduh telah menyebut Ah Thong dalam semua perkara, dan memberikan nombor telefon Ah Thong untuk dihubungi.

(h) Menurut peguambela lagi, pihak kastam telah gagal menyiasat mengenai hotel tempat tertuduh dan Ah Thong menginap untuk mengetahui siapa yang mendaftar masuk ke hotel itu.

(i) Satu lagi isu yang penting ditimbulkan oleh peguambela ialah berkenaan dengan pertuduhan di mana melalui pertuduhan disebut tarikhnya adalah "... 8 Mei 2007 jam lebih kurang 5 petang di Hospital Putrajaya ....", ini menunjukkan bahawa pertuduhan itu adalah tidak tepat dan defektif, mernandangkan pada 8hb tiada apa-apa ketulan yang dikeluarkan dari tubuh tertuduh, hanya objek-objek luar (foreign substance) yang belum ditentukan adalah dadah, maka ia tidak boleh dianggap bahawa dadah itu dijumpai pada 8 Mei 2007.

(j) Maka tegas peguambela lagi, tiada apa-apa dadah ditemui daripada tertuduh pada 8 Mei 2007 bertujuan untuk diedarkan, hanya pada 9 Mei 2007 apabila tertuduh membuang air besar barulah dadah-dadah itu ditemui berperingkat-peringkat, beliau merujuk s. 153 Criminal Procedure Code.

(k) Maka tegas peguambela lagi pihak pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes terhadap tertuduh ini melepasi keraguan yang munasabah dan berdasarkan kes *Mat v. Public Prosecutor* [1963] 1 LNS 82, tertuduh hendaklah dibebas dan dilepaskan.

[28] Timbalan Pendakwa Raya terpelajar telah berhujah balas bahawa pembelaan tertuduh di atas semata-mata suatu penafian dan "after thought" semata-mata dan tiada disokong oleh mana-mana saksi. Seterusnya keputusan mahkamah bahawa terdapat kes *prima facie* terhadap tertuduh sudah mencukupi bagi membuktikan elemen pemilikan dan pengetahuan yang ditetapkan oleh undang-undang.

[29] Menurut Timbalan Pendakwa Raya lagi tertuduh tidak bercakap benar mengenai Ah Thong dan gagal memanggil penama tersebut untuk memberi keterangan bagi menyokong versi beliau; sekiranya benar, tertuduh tidak perlu menelan ketulan-ketulan itu untuk mengelak pemeriksaan kastam, kerana dia boleh membawanya dengan cara yang lain; ini membuktikan pengetahuannya mengenai dadah tersebut.

[30] Perbuatan menelan oleh tertuduh itu cukup untuk membuktikan suatu pemilikan dengan merujuk kepada kes *Adekunle Johnson Oshodi v. PP & Other Appeals* [1998] 1 CLJ 515.

[31] Hujah Timbalan Pendakwa Raya selanjutnya ialah melalui keterangan membela dirinya, beliau mengatakan yang beliau tahu dadah itu adalah merbahaya dan boleh 'meletup' didalam perutnya, maka apakah perbezaannya dengan ubat-ubatan Cina?

[32] Oleh itu menurut Timbalan Pendakwa Raya lagi tertuduh sanggup mengambil risiko dengan menelan 70 ketulan itu kerana dia mempunyai pengetahuan mengenai barangan yang dia telan tersebut adalah dadah merbahaya.

[33] Mengenai isu pertuduhan, Timbalan Pendakwa Raya telah memfailkan hujahan lanjut pada 27 Mei 2010 dan di dalam hujahan beliau, beliau mengatakan pertuduhan itu adalah sempurna, ini

berdasarkan kepada keterangan SP2 dan SP9 yang mengatakan terdapat benda asing yang dipercayai dadah berada di dalam perut tertuduh apabila di x-ray pada 8 Mei 2007, ini sudah mencukupi bagi membuktikan pemilikan dan pengedaran oleh tertuduh pada 8 Mei 2007.

[34] Adalah menjadi undang-undang yang mantap bahawa tiada apa-apa beban yang diletakkan terhadap tertuduh untuk membuktikan ketidakbersalahan beliau. Sekiranya ada ia adalah ringan iaitu bagi menunjukkan suatu keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan.

[35] Saya merujuk kepada kes-kes berikut:

(a) *Wong Chooi v. PP* [1967] 1 LNS 207 yang memutuskan berikut:

> where a burden is placed on an accused person to prove anything, by statute or common law, the burden only a slight one ...

(b) *Yau Heng Fang v. PP* [1985] 2 CLJ 22; [1985] CLJ (Rep) 350 di ms 356, diputuskan:

> In all criminal trial the accused is deemed to be innocent until proven guilty ... there is no burden placed on the accused to prove his innocence ...

(c) Seterusnya saya merujuk juga kepada kes *Mohd Radhi Yaakob v. PP* [1991] 3 MLJ 169, yang berbunyi:

> Sesungguhpun seorang hakim tidak menerima atau mempercayai huraian orang yang tertuduh. Orang tertuduh itu tidak boleh disabitkan sehingga Mahkamah berpuas hati atas sebab yang mencukupi bahawa huraian yang diberi itu tidak membangkitkan keraguan yarig munasabah terhadap kes pendakwa.

(d) *PP v. Mohd Farid Mohd Sukis & Anor* [2002] 8 CLJ 814 at p 844;

> Generally, in criminal trial, there is no burden on an accused person to call witnesses. Thus no adverse inference can be drawn against the defence for a failure to call witness. However such an inference may be drawn where there is an onus on the accused to prove an issue.

[36] Tugas mahkamah di akhir kes pembelaan adalah sepertimana yang ditetapkan di dalam kes *Mat v. PP* [1963] 1 LNS 82; [1963] 29 MLJ 263 di mana Sufian J (pada masa berkenaan) berkata di ms 264;

> The position may be conveniently stated as follows:
>
> (a) If you are satisfied beyond reasonable doubt as to the accused guilt ... Convict.
>
> (b) If you do not accept or believed the accused's explanation ... Acquit.
>
> (c) If you do not accept or believed the accused's explanation and that explanation ... Do not convict but consider the next steps below.
>
> (d) If you do not accept or believe the accused's explanation and that explanation does not raise in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Convict.
>
> (e) If you do not accept or believe the accused's explanation but nevertheless it raises in your mind a reasonable doubt as to his guilt ... Acquit.

[37] Untuk menyesuaikan ujian-ujian di atas, mahkamah perbicaraan terlebih dahulu hendaklah meneliti dan menimbangkan perkara-perkara berikut:

(a) Kes pembelaan hendaklah dikaji dan diteliti serta dinilai seandainya keterangan membela diri tertuduh itu diberikan dengan tidak bersumpah.

(b) Kes pembelaan yang diberikan secara bersumpah pula hendaklah diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Rujuk kepada kes *PP v. Low Say Seck & Ors* [1971] 1 MLJ 199 dan *Shanmugam v. PP* [1962] 1 LNS 186.

(c) Kes pendakwaan perlulah diteliti dan dikaji semula secara mendalam dan secara keseluruhan bagi melihat sama ada versi tertuduh itu telah dapat menggugat tahap *prima facie* yang telah ditemui oleh Mahkamah Perbicaraan. Rujuk kepada kes *Nagappan Kuppusamy v. PP* [1998] 1 CLJ 283; [1988] 1 CLJ (Rep) 229 di ms 231 berbunyi:

A

> ... Here, we have to go back to first principles. In a criminal proceeding, the onus on the prosecution throughout is to prove beyond reasonable doubt. From the beginning to the end, the burden remains on the prosecution to prove the guilt of the accused. At the close of the whole case the court has to consider the whole evidence adduced by both the prosecution and the defence and has to be satisfied that the case has been proved beyond reasonable doubt. In other words, at the close of the whole case, the court has to consider all the evidence before it whether they satisfy all the ingredients of the offence. If upon the whole evidence the court is left in a real state of doubt, the prosecution is said to have failed to satisfy the onus of proof which lies upon it.

B

C

[38] Selain daripada prinsip yang dibentangkan melalui kes *Mat v. PP* (di atas) seperkara lagi yang ditekankan oleh undang-undang ialah sejauh mana kesan atau impak kes pembelaan terhadap kes pendakwaan, iaitu sekiranya terdapat dua cerita yang bertentangan; melalui kes *Osman Khan v. Public Prosecutor* [1947] 1 LNS 75 telah diputuskan seperti berikut:

D

> That where an explanation is given by an accused which is consistent with innocence that court must consider whether it might reasonably be true eventhough it is not convinced of its truth.

E

[39] Maka tugas yang ada pada tertuduh semasa membela diri hanyalah untuk menimbulkan satu keraguan terhadap kes pendakwaan sepertimana yang diputuskan di dalam kes *Shanmugam v. PP* [1962] 1 LNS 186; "All that he has to do is to cast a doubt upon the prosecution story. It is not necessary for this to be achieved that the evidence of the accused should be corroborated".

F

[40] Melalui s. 182A(1) Kanun Tatacara Jenayah, telah diperuntukkan bahawa:

G

> At the conclusion of the trial, the court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

H

[41] Saya merujuk kepada kes *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85 di ms 99, Mahkamah Persekutuan menjelaskan seperti berikut:

> Section 180 (1) makes it clear that the standard of proof in the prosecution at the close of its case is to make out a *prima facie* case whilst s. 182A(1) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt. The

I

standard of proof on the prosecution at the end of its case and at the end of the whole case has thus statutorily spelt out in clear terms.

[42] Di dalam kes *Balachandran v. PP* (di atas) telah diputuskan seperti berikut:

Proof beyond reasonable doubt involves two aspects. While one is the legal burden on the prosecution to prove its case beyond reasonable doubt the other is the evidential burden on the accused to raise a reasonable doubt. Both these burdens can only be fully discharged at the end of the whole case when the defence has closed its case.

[43] Rujuk kes *Adekunle Johnson Oshodi v. Public Prosecutor & Other Appeals* [1998] 1 CLJ 515 di ms 528:

However, with the maximum evaluation of the prosecution's evidence at the close of the prosecution's case before calling for the defence, *it was axiomatic that having called for the defence the court was satisfied that there was no doubt whatsoever in the prosecution's case.*

In the present case, that doubt sufficiently to dislodge the prosecution must therefore arise from the defence. *The accused therefore had the evidentiary burden of raising a doubt to any of the primary facts relied upon by the prosecution,* and even the only applicable statutory presumption under s. 37(da) of drug trafficking was itself dependent of primary facts. *Failing to raise a doubt to the primary facts each accused was to rebut the presumption of trafficking on a balance of probabilities* (see *Yuvaraj v. PP* [1969] 2 MLJ 217) with proof that it was more probable he was respectively not trafficking in dangerous drugs. Then, if on the totality of the prosecution's case and the defence, the court is left with any doubt or reservation as to the guilt or innocence, then following time honoured practice in criminal trials, the accused would be acquitted.

[44] Seterusnya mengenai apakah yang dimaksudkan dengan keraguan munasabah dari segi undang-undang? Melalui kes *PP v. Saimin & Ors* [1971] 1 LNS 115 telah diputuskan bahawa:

A reasonable doubt must be a doubt arising from the evidence or want of evidence and cannot be an imaginary doubt or conjecture unrelated to evidence.

[45] Melalui kes *PP v. Teh Eng Wah* [1999] 8 CLJ 451 pula diputuskan berikut:

A reasonable doubt, is where the evidence is credible, probable, plausible or logical that a reasonable person, having regard to the ordinary course of nature or natural events, human conduct, and in the particular circumstances of the particular cases would accept it as to act upon it as having occurred or been proven to have occurred, or as truthful or accurate, and not any doubt that could, with the application of some ingenuity, be conjured up, envisioned or visualised.

[46] Keraguan juga hendaklah berasas dan bersebab, sepertimana di dalam kes *K. Gopala Reddu v. State of Andhra Pradesh* [1979] SCO (CR) 310 diputuskan seperti berikut:

Reasonable doubt does not mean some light airy, in substantial doubt that may fit through the minds of any of us about almost anything at same time or the other, it does not mean about beg ... by sympathy out of reluctance to evict, it means a real doubt, doubt founded upon reasons.

[47] Melalui kes *Liew Kaling & Ors v. PP* [1960] 1 LNS 60 pula diputuskan berikut:

The degree of proof need not reach certainty, but it must carry a high degree of probability. Proof beyond reasonable doubt does not mean proof beyond the shadow of doubt ... If the evidence is so strong against a man a to leave only a remote possibility in his favour which can be dismissed with the sentence of course it is possible, but not in the least probable, the case is proved beyond reasonable doubt, but nothing short of that will suffice.

[48] Sekali lagi saya menerima pakai keputusan Mahkamah Persekutuan di dalam kes *Mohd Radhi bin Yaakob* di atas yang memutuskan berikut:

To earn an acquitted, the court may not be convinced of the truth of the defence story or version. Raising a reasonable doubt in the guilt of the accused will suffice.

[49] Penafian semata-mata adalah tidak mencukupi untuk menimbulkan suatu keraguan yang munasabah, seperti mana yang diputuskan di dalam kes *PP v. Ling Tee Huah* [1980] 1 LNS 212 yang berbunyi:

A mere denial without other proof to reasonably dislodge the prosecution's evidence is not sufficient.

Rujuk juga kepada kes-kes: A

(a) *Yap Fook Yew & Anor v. PP* [1949] MLJ Supp 3.

(b) *PP lwn. Mohd Noor Yusof* [2008] 7 CLJ 504.

Penemuan Oleh Mahkamah B

[50] Adakah berdasarkan kepada keterangan tertuduh di atas telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah seperti mana kehendak undang-undang? Adakah juga keterangan tertuduh itu merupakan suatu keterangan yang "credible, probable, plausible or logical" yang boleh mematahkan "primary facts" yang mana menjadi perkara yang pihak pendakwaan itu bergantung kepadanya, seterusnya boleh juga mematahkan andaian di bawah s. 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952 mengenai pengedaran? C

[51] Mengenai hujah pertama pihak pembelaan iaitu ketiadaan *mens rea* mengenai pemilikan dan kawalan serta pengetahuan oleh tertuduh, saya ingin merujuk kepada penghakiman YA Gopal Sri Ram (JCA) di dalam kes *Chan King Yu v. PP* [2006] 3 CLJ 853, yang berbunyi seperti berikut: D E

> Whether the prosecution has established *mens rea* possession in a given case is a question of fact depending on the facts and circumstances of each case. Proof of knowledge in a criminal case is, short of voluntary confession by an accused like many other states of a guilty mind in a criminal case, a fact to be gathered inferentially from proved facts and surrounding circumstances. In particular the acts done by an accused and other circumstances provide valuable assistance to a court in determining whether that accused had the requisite *mens rea*. It is in reality a common sense approach. F

[52] Rujuk juga kepada kes *Saad Ibrahim v. PP* [1967] 1 LNS 154; [1968] 1 MLJ 158 di mana Yong J di ms 159 berkata berikut: G

> In my opinion mere possession is one thing and possession with *mens rea* is another. Possession which incriminates must have certain characteristics. The possessor must be aware of his possession, must know the nature of the thing possessed and must have the power of disposal over it. Without these characteristics possession raises no presumption of *mens rea*. Without *mens rea* possession cannot: be criminal except in certain cases created by stature, which is not applicable in this case. H

I

Rujuk juga kes-kes:

(a) *PP v. Wong Peng Wah & Ors* [1948] 1 LNS 50.

(b) *Toh Ah Loh & Mak Thim v. Rex* [1948] 1 LNS 72.

(c) *PP v. Hong Ho Aik* [2008] 10 CLJ 393.

[53] Sepertimana yang ditekankan di dalam kes-kes di atas, pemilikan *mens rea* adalah bergantung sepenuhnya kepada fakta-fakta sesuatu kes itu, begitulah juga dengan kes semasa, di mana telah dihujahkan bahawa tertuduh melalui keterangan membela dirinya telah mengaku bahawa dia telah menelan ketulan-ketulan tersebut akan tetapi menafikan yang dia mengetahui bahawa ketulan-ketulan itu adalah dadah berbahaya, tetapi dia mempercayai bahawa ketulan-ketulan itu adalah ubat-ubat Cina.

[54] Sama ada cerita tertuduh ini boleh dipercayai atau tidak adalah bergantung kepada fakta-fakta lanjutan ini, tertuduh pada masa beliau ditahan oleh pihak kastam tidak menunjukkan apa-apa tindakan untuk melarikan diri atau untuk mengelak daripada diperiksa oleh pihak kastam.

[55] Keduanya tertuduh telah memberikan kerjasama kepada pihak kastam dengan tidak membantah untuk diambil x-ray ketika di Hospital Putrajaya. Ketiganya tertuduh juga tidak menolak untuk menelan ubat-ubat yang diberikan oleh pegawai perubatan di Hospital Putrajaya bertujuan untuk mengeluarkan ketulan-ketulan itu dari dalam perutnya dengan cepat, hasilnya dalam masa dua hari sebanyak 70 ketulan telah berjaya dikeluarkan dari dalam perutnya.

[56] Setelah meneliti kembali kes pendakwaan dan meletak sebelah menyebelah dengan kes; pembelaan, saya berpendapat bahawa keterangan tertuduh bahawa beliau telah diperdayakan oleh seorang bernama 'Ah Thong' yang mengatakan bahan-bahan yang dia telan itu adalah ubat-ubat Cina yang sangat mahal di Taiwan, maka untuk diseludup ke negara itu dia perlu menelannya untuk mengelakkan daripada pemeriksaan kastam, di peringkat pembelaan, cerita ini pada pendapat saya bukanlah suatu rekaan atau "after thought" lagi kerana tertuduh telah menjelaskan di mana 'Ah Thong' tinggal dan memberitahu pegawai penyiasat bahawa mereka telah menginap di Hotel Wenworth di kawasan Puduraya, tetapi SP10 telah gagal untuk membuat penyiasatan mengenai perkara-perkara ini walaupun nombor telefon 'Ah Thong' telah diberikan kepadanya.

[57] Penyiasatan mengenai penginapan di Hotel Wenworth adalah penting bagi menolak apa-apa inferen yang boleh dibuat oleh mahkamah mengenai kehadiran penama 'Ah Thong' di dalam kes ini; memandangkan nama 'Ah Thong' telah disebutkan berkali-kali di dalam kes pembelaan dan tiada apa-apa bantahan oleh pihak pendakwaan mengenai watak 'Ah Thong' itu, tiada apa-apa cabaran (put) ditanya kepada tertuduh mengenai watak 'Ah Thong' ini, maka jelas di sini watak 'Ah Thong' tersebut memangnya diakui wujud di dalam kes ini oleh pihak pendakwaan.

[58] Versi tertuduh pada pendapat saya bukanlah semata-mata penafian kosong sahaja, ini berdasarkan bahawa pada masa berkenaan beliau tiada pekerjaan dan sangat memerlukan wang dan akibat dari hanya mempunyai pendidikan rendah, seperti dipersetujui oleh SP10, maka dengan mudah beliau telah diperdayakan oleh kawan sekampungnya 'Ah Thong' untuk menelan dadah-dadah tersebut yang mana dia percaya adalah ubat-ubat Cina. Oleh itu 'demeanour' tertuduh harus diberikan perhatian memandangkan beliau memberikan keterangan bersumpah.

[59] Seterusnya mengenai pertuduhan, pada pendapat saya tiada apa-apa kecacatan pada pertuduhan yang dikemukakan terhadap tertuduh, kerana pada masa tertuduh ditahan sememangnya dadah-dadah tersebut telah berada di dalam perutnya dan bersedia untuk diedarkan, ia memenuhi kehendak s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952, walaupun hanya objek-objek asing yang kelihatan melalui cahaya x-ray tetapi kemudiannya telah dibuktikan 70 ketulan itu adalah merupakan dadah berbahaya oleh ahli kimia yang membuat penganalisaan terhadapnya.

[60] Akhir sekali saya berpuas hati bahawa walaupun saya tidak mempercayai sepenuhnya penjelasan tertuduh ketika membela diri tetapi keterangan tertuduh di atas sumpah telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah terhadap kesalahannya, dan menurut para (3) di dalam kes *Mat v. PP* (di atas) saya berpuas hati membebaskan dan melepaskan tertuduh daripada pertuduhan ini.